

SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENGURUS SISTEM (KUMPULAN 2 / KUMPULAN 3)
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak memohon.

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PENGURUS SISTEM
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KUMPULAN 3 (\$4,750 EB KHAS \$4,960 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**


KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang-bidang seperti berikut atau bidang bersesuaian:
 - *Business and Information Technology*
 - *Business (Computing & Information Technology)*
 - *Business Information Technology*
 - *Business Information Systems*
 - *Computer Engineering*
 - *Computer Science*
 - *Computer and Internet Technologies*
 - *Computing and Information System*
 - *Computing and Information Technology*
 - *Computer Management*
 - *Electrical and Electronics Engineering*
 - *Engineering*
 - *Information Management*
 - *Information and Systems Management*
 - *Information Technology*
 - *Information Technology and Systems*
 - *Information Systems Development*
 - *Multimedia Computing*
 - *Technology Management*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. BAGI TANGGA GAJI KUMPULAN 2

- i) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pengurus Sistem atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penganalisa Sistem Kanan atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



3. BAGI TANGGA GAJI KUMPULAN 3

- i) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penganalisa Sistem Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- 4. Mempunyai Laporan Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

BAGI TANGGA GAJI KUMPULAN 2:

Bertanggungjawab kepada Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (atau wakilnya) dan menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (atau wakilnya) pada perkara-perkara di bawah ini: [Nota: Wakil bermaksud pihak atasan di mana ia ditugaskan]

- 1. Melapor kepada Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan selaku Ketua Pegawai di ibu pejabat Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ataupun wakilnya, iaitu *Chief Information Officer (CIO)* Kementerian di mana ia ditugaskan;
- 2. Membantu *Chief Information Officer (CIO)* menguruskan fungsi dan perkhidmatan Pusat Teknologi Maklumat dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab Pusat tersebut;
- 3. Menjalankan sementara tugas dan tanggungjawab sebagai Pengarah *Information and Communication Technology (ICT)* di Kementerian-Kementerian jika diperlukan oleh *Chief Information Officer (CIO)* Kementerian di mana ia ditugaskan;
- 4. Bertanggungjawab sebagai Penasihat Transformasi Digital dalam memberikan nasihat dan bimbingan kepada Kementerian-Kementerian dan menyusun strategi inisiatif-inisiatif dalam Pelan Transformasi Digital dari segi program / projek;
- 5. Memantau / memastikan kualiti dan prestasi pengurusan fungsi dan perkhidmatan *Information and Communication Technology (ICT)* dijalankan dengan jujur, cekap, amanah dan sempurna mengikuti dasar dan amalan baik;



6. Mengurus perancangan, pembentukan dan pelaksanaan program-program *Information and Communication Technology (ICT)* yang inovatif yang sejajar dengan menjurus serta menyumbang kepada pencapaian wawasan, misi dan matlamat e-Kerajaan / strategi *Information and Communication Technology (ICT)*;
7. Tugas-tugas yang dimaksudkan termasuk perkara-perkara seperti berikut:
 - i) Meneliti dan menilai keperluan *Information and Communication Technology (ICT)* dalam sektor Kerajaan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan dengannya termasuk keperluan sumber manusia *Information and Communication Technology (ICT)* selaras dengan pelan strategik Kementerian;
 - ii) Menyediakan, mengurus dan memantau pelan induk *Information and Communication Technology (ICT)* Kementerian antara lain dari segi belanjawan *Information and Communication Technology (ICT)* dan projek-projek *Information and Communication Technology (ICT)* supaya berjalan dengan lancar dan teratur;
 - iii) Mengurus perkembangan *Information and Communication Technology (ICT)* termasuk pembangunan, perkembangan, pemeliharaan sistem-sistem aplikasi dan kandungan-kandungan sistem maklumat lain-lainnya termasuk pengurusan prasarana (infrastruktur) *Information and Communication Technology (ICT)*;
 - iv) Memastikan perlaksanaan keperluan *Information and Communication Technology (ICT)* berpandukan kepada *best practices* termasuk kaedah-kaedah ke arah penambahbaikan perkhidmatan seperti menekankan perubahan melalui *Business Process Re-engineering (BPR)* serta integrasi dengan Kementerian / Agensi-Agenzi yang berkaitan;
 - v) Sentiasa pro-aktif dalam memastikan projek-projek *Information and Communication Technology (ICT)* berjalan dengan lancar dengan memberi keutamaan dalam penyelesaian isu-isu yang menjelaskan; dan
 - vi) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.



BAGI TANGGA GAJI KUMPULAN 3:

Bertanggungjawab kepada Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (atau wakilnya) dan menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (atau wakilnya) pada perkara-perkara di bawah ini: [Nota: Wakil bermaksud pihak atasan di mana ia ditugaskan]

1. Melapor kepada Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan selaku Ketua Pegawai di ibu pejabat Pusat Kebangsaan E-Kerajaan;
2. Membantu Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan mengurus fungsi dan perkhidmatan-perkhidmatan guna sama jabatan;
3. Bertanggungjawab sebagai Timbalan Penasihat Transformasi Digital dalam memberikan nasihat dan cadangan-cadangan berdasarkan kepakaran dan pengalaman bagi menangani keperluan-keperluan pihak yang berkepentingan;
4. Membantu memantau / memastikan kualiti dan prestasi pengurusan fungsi dan perkhidmatan *Information and Communication Technology (ICT)* dijalankan dengan jujur, cekap, amanah dan sempurna mengikuti dasar dan amalan baik;
5. Membantu mengurus perancangan, pembentukan dan pelaksanaan program-program *Information and Communication Technology (ICT)* yang inovatif yang sejajar dengan menjurus serta menyumbang kepada pencapaian wawasan, misi dan matlamat e-Kerajaan / strategi *Information and Communication Technology (ICT)*;
6. Tugas-tugas yang dimaksudkan termasuk perkara-perkara seperti berikut:
 - i) Meneliti dan menilai keperluan *Information and Communication Technology (ICT)* di Kementerian dan Jabatan-Jabatan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan dengannya termasuk keperluan sumber manusia *Information and Communication Technology (ICT)* mengikut keutamaan;
 - ii) Menyediakan, mengurus dan memantau pelan induk *Information and Communication Technology (ICT)* Kementerian antara lain dari segi belanjawan *Information and Communication Technology (ICT)* dan projek-projek *Information and Communication Technology (ICT)* supaya berjalan dengan lancar dan teratur;



- iii) Mengurus perkembangan *Information and Communication Technology (ICT)* termasuk pembangunan, perkembangan, pemeliharaan sistem-sistem aplikasi dan kandungan-kandungan sistem maklumat lain-lainnya termasuk pengurusan prasarana (infrastruktur) *Information and Communication Technology (ICT)*;
- iv) Membantu memastikan pelaksanaan keperluan *Information and Communication Technology (ICT)* berpandukan kepada *best practices* termasuk kaedah-kaedah ke arah penambahbaikan perkhidmatan seperti menekankan perubahan melalui *Business Process Re-engineering (BPR)* serta integrasi dengan Kementerian / Agensi-Agenzi yang berkaitan;
- v) Sentiasa pro-aktif dalam memastikan projek-projek *Information and Communication Technology (ICT)* berjalan dengan lancar dengan memberi keutamaan dalam penyelesaian isu-isu yang menjelaskan; dan
- vi) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.